

3.0 SOSIO BUDAYA

3.1 Pengenalan

Aspek sosio budaya merupakan salah satu aspek yang bertujuan untuk mengetahui strata budaya dan kehidupan masyarakat setempat yang mana dipengaruhi daripada faktor umur, jantina dan etnik. Sosio budaya bagi sesuatu kawasan dan cara hidup masyarakat mempengaruhi landskap dan persekitaran kawasan tersebut.

3.2 Taburan Penduduk

Jadual 3.1 di bawah menunjukkan bahawa BP5 iaitu Ulu Tiram / Desa Cemerlang dan Johor Jaya mencatatkan jumlah penduduk yang tinggi. Manakala jumlah penduduk yang terendah ialah di kawasan BP7 iaitu Gelang Patah / Nusajaya yang mana kepadatan penduduk dan kadar pertumbuhan penduduk tempatan (KPPT) adalah rendah disebabkan masih terdapat pembangunan yang belum dilaksanakan.

Jadual 3.1 : Jadual Bilangan Penduduk MPJBT mengikut Blok Perancangan

Zon Perancangan dan Blok Perancangan	Penduduk				KPPT 2000-2003
	2000 ¹	%	2003 ²	%	
BP 1	29,925	7.7	30,601	7.6	0.75
BP 2	94,383	24.1	96,614	24.1	0.78
BP 3	33,923	8.7	34,699	8.7	0.76
BP 4	85,653	21.9	88,398	22.0	1.06
BP 5	96,463	24.7	98,898	24.7	0.83
BP 6	33,337	8.5	34,289	8.5	0.94
BP 7	17,205	4.4	17,543	4.4	0.65
JUMLAH	390,889	100	401,042	100	0.86

Sumber : Draf Laporan Teknikal Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru 2002-2020

¹ Olahan daripada laporan taburan penduduk mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan Mukim (Disember 2001) dan Taburan penduduk ciri-ciri asas Demografi (Julai 2001), Jabatan Perangkaan Malaysia 2000

² Berdasarkan kepada unjuran penduduk semasa (kohort) Rancangan tempatan Daerah Johor Bahru, 2002-2020

3.3 Nisbah Jantina Dan Komposisi Kaum

Berdasarkan Jadual 3.2, secara keseluruhannya kawasan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) mempunyai nisbah jantina lelaki yang tinggi berbanding perempuan iaitu 209,231 orang kepada 191,811 orang pada tahun 2003.

Jadual 3.2: Bilangan Penduduk Mengikut Pihak Berkuasa Tempatan dan Jantina, 2000-2020

PBT	Penduduk Mengikut Jantina			
	2000 ³		2003 ⁴	
	L	P	L	P
MPJBT	204,873	186,016	209,231	191,811
%	52.41	47.59	52.17	47.83

Sumber: Draf

Laporan Teknikal Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru 2002-2020

Jadual 3.3 : Komposisi Kaum Penduduk MPJBT Mengikut Pihak Berkuasa Tempatan, 2003-2020

PBT	Komposisi Kaum 2003 ⁵					
	Bumi	Cina	India	Lain-Lain	Jumlah Warga	Bukan Warga
MPJBT	147,971	187,789	47,673	1,884	385,317	15,725
%	36.90	46.83	11.89	0.47	96.08	3.92

Sumber : Draf Laporan Teknikal Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru 2002-2020

Kaum berbangsa Cina adalah kaum yang paling tinggi jumlah komposisinya dengan 187,789 berbanding dengan kaum India iaitu sebanyak 47,673. Ini menunjukkan sosio budaya kehidupan masyarakat di kawasan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) majoritinya kaum Cina.

Bagi BP3 terdapat kaum orang asli laut yang membina penempatan di Kuala Sungai Danga di mana kebanyakan mereka bekerja sebagai nelayan. Manakala ada sebahagiannya mengusahakan perniagaan makanan laut dan menternak kupang. Kebanyakan penduduk di daerah Johor Bahru dan Singapura akan datang ke sini untuk menikmati makanan segar dari

³ Olahan daripada laporan taburan penduduk mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan Mukim (Disember 2001) dan Taburan penduduk ciri-ciri asas Demografi (Julai 2001), Jabatan Perangkaan Malaysia 2000

⁴ Berdasarkan kepada unjuran penduduk semasa (kohort) Rancangan tempatan Daerah Johor Bahru, 2002-2020

⁵ Berdasarkan kepada unjuran penduduk semasa (kohort) Rancangan tempatan Daerah Johor Bahru 2002,2020

laut. Kawasan ini berpotensi untuk dimajukan sebagai pusat pelancongan baru untuk makanan laut dan rekreasi laut.



Foto 3.1: Pemandangan di kawasan perniagaan restoran makanan laut yang di majukan oleh orang asli laut berpotensi untuk dibangunkan sebagai tarikan pelancong.

Secara keseluruhannya, kawasan MPJBT tidak mempunyai karektor yang jelas yang dipengaruhi oleh budaya dan adat resam masyarakat. Namun begitu melalui analisa yang dijalankan, ciri-ciri budaya sedia ada diambil kira untuk dijadikan sebagai asas kepada pembentukan karektor pembangunan landskap.

3.4 Rumusan

Melalui jumlah penduduk yang diperolehi, kebanyakan penduduk di kawasan MPJBT terdiri daripada jumlah kaum cina serta kaum lelaki merupakan majoriti daripada jumlah keseluruhan kependudukan kawasan ini.

Isu-isu sosio budaya dapat di lihat melalui cara dan aktiviti yang dilakukan di masa lapang dan hujung minggu. Isu ini dilihat bagi mendapatkan cara bagaimana sesebuah kawasan ini menggunakan infrastruktur yang ada bagi memenuhi permintaan penduduk setempat di kawasan yang terlibat. Kebanyakan penduduk di kawasan MPJBT mengamalkan cara hidup moden⁶, dengan melakukan aktiviti-aktiviti seperti:

- a) Bermain golf.
- b) Bermain *bowling*.
- c) Berkaraoke.
- d) Bermain permainan video.
- e) Mengunjungi taman tema.
- f) Mengunjungi kelab hiburan.
- g) Bermain *snooker*.

⁶ Laporan Teknikal Rancangan Tempatan Daerah Johor bahru, 2002-2020